

**PERJANJIAN UNTUK SKIM PEMBIAYAAN  
KOMPUTER PERKHIDMATAN AWAM**

PERJANJIAN ini dibuat pada ..... hari bulan ..... 20.....

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA (selepas ini disebut sebagai "Kerajaan") sebagai satu pihak

DAN

..... (K/P No: ..... ) yang  
beralamat di ..... (kemudian  
daripada ini disebut "Pembeli") sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA Pembeli telah memohon kemudahan pembiayaan untuk membeli komputer di bawah Skim Pembiayaan Pembelian Komputer sebagaimana yang dinyatakan dalam WP 9.1 (selepas ini disebut sebagai "skim tersebut") sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia.....) sahaja dan Kerajaan telah meluluskan permohonan Pembeli tertakluk kepada syarat-syarat yang diperuntukkan dalam Perjanjian ini.

MAKA ADALAH DENGANINI DIPERSETUJUI oleh kedua-dua Pihak seperti berikut:

1. Berdasarkan prinsip pembiayaan yang ditetapkan dalam skim tersebut, Kerajaan di atas permohonan Pembeli, telah membeli komputer pada harga belian seperti yang disebutkan dalam Seksyen 2, Jadual Pertama.
2. Kerajaan hendaklah menjual komputer tersebut kepada Pembeli pada harga jualan dengan bayaran purata ansuran bulanan sebagaimana yang disebutkan dalam Jadual Kedua dan tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam skim tersebut dan Perjanjian ini.
3. Pembeli dengan ini bersetuju dan beraku janji untuk:
  - i. mematuhi syarat dan peraturan yang terkandung di dalam WP 9.1;
  - ii. wang pembiayaan yang dipinjamkan tidak akan digunakan selain daripada maksud ianya diluluskan. Jika digunakan untuk tujuan lain, pembiayaan ini adalah terbatas dan dengan ini, wang pembiayaan hendaklah dibayar sekali gus. Pembeli dengan ini juga memberi kebenaran kepada Ketua Jabatan untuk menahan bayaran gaji dan elauannya sehingga kesemua jumlah pembiayaan itu dijelaskan;
  - iii. menjelaskan semua baki harga jualan sebelum menamatkan perkhidmatannya dengan Kerajaan;
  - iv. sekiranya potongan ansuran tidak dilakukan daripada gaji bulanan Pembeli walau dengan apa sebab pun, Pembeli hendaklah bertanggungjawab untuk membayar sendiri kepada Kerajaan sehingga potongan ansuran dilakukan;
  - v. jika Pembeli menamatkan perkhidmatan dengan Kerajaan atau ditamatkan oleh Kerajaan sebelum pembiayaan dijelaskan sepenuhnya, Pembeli hendaklah membayar sekali gus semua baki harga jualan;
  - vi. Jika Pembeli meninggal dunia, baki harga jualan akan diselesaikan oleh si waris secara sekali gus.
4. Kerajaan berhak menarik balik pembiayaan ini pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan menuntut bayaran balik harga jualan dengan sekali gus.

5. Kerajaan, yang bukan pembuat, pengedar atau tuan punya asal komputer tersebut, tidak memberi apa-apa waranti dan tidak juga membuat sebarang representasi berkaitan dengan keadaan komputer tersebut atau tentang *merchantability* atau kesesuaian atau *fitness* bagi maksud tertentu atau bagi apa-apa maksud komputer tersebut dikehendaki sama ada waranti tersebut dan representasi dengan nyata atau tersirat dan sama berbangkit di bawah perjanjian ini atau sebaliknya dan Pembeli dengan ini bersetuju tidak membuat apa-apa tuntutan pun terhadap Kerajaan berkenaan hal tersebut.

Dengan syarat:

Bahawa fasal ini hendaklah tidak menyentuh hak Pembeli bagi membuat tuntutan berkaitan dengan waranti atau representasi terhadap pembuat, pengedar atau tuan punya komputer tersebut.

6. Kegagalan atau kelewatan di pihak Kerajaan dalam menjalankan apa-apa kuasa, hak atau remedii di bawah Perjanjian ini tidak akan mencacatkan mana-mana kuasa, hak atau remedii tersebut dan kegagalan serta kelewatan tersebut tidak boleh ditafsirkan sebagai pelepasan (*waiver*) terhadap kuasa, hak atau remedii itu atau sebarang keingaran (*breach*) yang lain dan berikutnya.
7. Perjanjian ini hendaklah mengikat, wakil-wakil diri, pengganti, *executor* dan *administrator* (wasi dan pentadbir) bagi Pembeli dan penerima serah hak dan pengganti Kerajaan.
8. Semua kos termasuk duti setem, apa-apa duti lain, cukai atau fi dan perbelanjaan yang berkaitan dengan Perjanjian ini hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Pembeli dan sebarang perbelanjaan yang dituntut oleh Kerajaan (termasuk fi peguam bagi pihak Kerajaan atas asas peguam dan pelanggan) dalam keadaan di mana Kerajaan terpaksa mengambil tindakan terhadap Pembeli di bawah Perjanjian ini hendaklah ditanggung dan dibayar sepenuhnya oleh Pembeli.
9. Masa berkaitan dengan semua peruntukan dalam Perjanjian ini terutama kepada obligasi Pembeli di bawah Perjanjian ini merupakan terma penting.
10. Jadual Pertama dan Jadual Kedua adalah terpakai, dibaca dan diertikan sebagai bahagian yang mustahak dalam Perjanjian ini.

PADA MENYAKSIKAN HAL TERSEBUT

Kedua-dua pihak dengan ini menurunkan tandatangan pada hari dan tahun yang ditulis di atas.

DITANDATANGANI OLEH:

dengan kehadiran

KERAJAAN MALAYSIA

SAKSI

.....  
Tandatangan

.....  
Tandatangan

Nama Penuh .....

Nama Penuh .....

No. Kad Pengenalan .....

No. Kad Pengenalan .....

Jawatan .....

Jawatan .....

DITANDATANGANI OLEH:

dengan kehadiran

PEMBELI

SAKSI

.....  
Tandatangan

.....  
Tandatangan

Nama Penuh .....

Nama Penuh .....

No. Kad pengenalan .....

No. Kad Pengenalan .....

Jawatan .....

Jawatan .....

## JADUAL PERTAMA

<i>Seksyen</i>	<i>Perkara</i>	<i>Butiran</i>
1.	Butiran Pembekal	<p>i. Nama Pembekal: Alamat:</p> <p>ii. Nama Pembekal: Alamat:</p> <p>iii. Nama Pembekal: Alamat:</p>
2.	Harga Belian Komputer	<p>Jumlah harga belian ialah sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia .....) iaitu terdiri daripada:</p> <p>(a) Amaun pembiayaan Kerajaan sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia ..... .....)</p> <p>dan</p> <p>(b) Bayaran baki sebanyak RM ..... (Ringgit Malaysia ..... .....)</p> <p>yang telah dijelaskan sendiri oleh Pembeli.</p>

## JADUAL KEDUA

Seksyen	Perkara	Butiran
1.	Harga Jualan	<p>Harga jualan ialah: RM .....  (Ringgit Malaysia .....  .....)  iaitu terdiri seperti berikut:</p> <p>(a) Bayaran baki sebanyak RM .....  (Ringgit Malaysia .....  .....) yang telah  dijelaskan sendiri oleh Pembeli; dan</p> <p>(b) Amaun pembiayaan dan keuntungan Kerajaan  RM ..... (Ringgit Malaysia .....  .....)}</p>
2.	Amaun dan Keuntungan Kerajaan serta Tempoh Bayaran Balik Jumlah Pembiayaan	<p>Pembiayaan dan keuntungan Kerajaan hendaklah dibayar balik secara potongan daripada gaji setiap bulan sebanyak  RM .....  (Ringgit Malaysia .....  .....)</p> <p>Bagi tempoh ..... bulan.</p>